

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**SAU318 – Pelancongan dan Pembangunan Komuniti**

Masa: 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih **DUA** soalan. **Soalan 1** adalah **wajib**.

### Soalan 1

Sebagai wakil pelajar kursus 'Pelancongan dan Pembangunan Komuniti', anda telah dijemput untuk membentangkan satu laporan pendek berdasarkan kerja lapangan yang telah anda jalankan ke forum bertajuk "*Ke Arah Pelancongan Berasaskan Komuniti: Mengenalpasti Potensi dan Meningkatkan Penglibatan Komuniti Tempatan*".

- (a) Dengan menggunakan konsep-konsep antropologi pelancongan yang anda pelajari, cuba perjelaskan isu-isu yang ingin anda ajukan untuk memperbaiki dan memperkembangkan potensi pelancongan dan cabaran yang dihadapi untuk menarik lebih ramai komuniti tempatan untuk terlibat sama dalam aktiviti pelancongan tempatan.  
(25 markah)
- (b) Berikan analisis kritikal anda mengenai hujah-hujah mengenai proses pakejan budaya (*packaging of cultures*) dan komodifikasi budaya (*commodification of cultures*) yang didebatkan dalam aktiviti pelancongan. Dengan memberikan beberapa kajian kes yang bersesuaian, berikan pendapat anda mengenai hujah-hujah tersebut.  
(25 markah)

### Soalan 2

- (a) Bincangkan bagaimana proses moderniti membawa kepada perkembangan industri pelancongan global.  
(10 markah)
- (b) Kevin Meethan dalam *Global Society* mengatakan bahawa, "Aktiviti pelancongan menjadi satu alat pencarian kepada keaslian iaitu yang pra-modern dan primitif". Jelaskan apakah yang dimaksudkan oleh beliau.  
(20 markah)
- (c) Berdasarkan kepada **empat** elemen penting dalam Pelancongan Pribumi (*Indigenous Tourism*), bincangkan dialektik dalam mempromosikan bentuk pelancongan ini untuk tujuan ekonomi dan pada masa yang sama cuba untuk memelihara sumber-sumber budaya asli.  
(20 markah)

**Soalan 3**

- (a) Kebaikan yang diperolehi daripada bentuk Pelancongan Berasaskan Komuniti sememangnya dapat dilihat berdasarkan kepada tahap penglibatan komuniti tempatan dan sumbangan terus yang diperolehi penduduk tempatan. Bincangkan dengan mendalam model Pelancongan Berasaskan Komuniti beserta dengan memberikan contoh yang bersesuaian.

(25 markah)

- (b) Persepsi mengenai pembangunan pelancongan adalah berbeza-beza mengikut tahap penglibatan seseorang dalam industri tersebut. Oleh itu, konflik yang melibatkan komuniti sama ada konflik persekitaran, kuasa, sumber alam adalah sesuatu yang dijangkakan. Dengan memberikan contoh-contoh yang berkaitan, bincangkan bagaimana Teori Perwakilan Sosial (*Social Representation Theory*) boleh digunakan untuk memahami lebih mendalam mengenai hubungan antara komuniti dan pelancongan.

(25 markah)